

Disediakan untuk: \_\_\_\_\_ Tarikh Cetakan: \_\_\_\_\_

### LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Polisi Insurans Allianz Lifestyle Protect. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am di dalam kontrak polisi ("Kontrak Polisi").

**Penyedia Khidmat Kewangan** : Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad ("Allianz"/"Kami")  
**Nama Produk** : Allianz Lifestyle Protect ("Polisi")

#### 1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan pampasan sekiranya berlaku kecederaan, ketidakupayaan atau kerugian yang disebabkan semata-mata oleh kemalangan. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Polisi ini **TIDAK MELINDUNGI KEMATIAN** Orang Yang Diinsuranskan dalam tempoh insurans kecuali perbelanjaan pengebumian.

#### 2. Apakah perlindungan/faedah yang disediakan?

Faedah		Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan D	Pelan E
		Jumlah Yang Diinsuranskan (RM)				
1	Hilang Upaya Kekal (sehingga)	10,000	20,000	30,000	40,000	50,000
2	Pendapatan Hospital (sehari/maks. 180 hari)	100	200	300	400	500
3	Perbelanjaan Pengebumian	1,000	2,000	3,000	4,000	5,000
4	Ragut atau Percubaan Meragut	300	350	400	450	500
5	Tanggung Rugi Berganda Dalam Kejadian Kemalangan Kenderaan Bermotor	Ada				
6	Bonus Pembaharuan	sehingga 100% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan				
7	*Perlindungan Peranti Pintar (sehingga)	1,000	2,000	3,000	4,000	5,000
8	*Perlindungan Belian Atas Talian (sehingga)	300	500	800	1,000	1,500
9	Indemniti Kad Kredit dan Pinjaman (sehingga)	1,000	2,000	3,000	4,000	5,000
10	*Kehilangan Peralatan Sukan (sehingga)	500	1,000	1,500	2,000	2,500
11	Terlepas Acara (sehingga)	300	350	400	450	500
12	Penjagaan Kejururawatan (sehingga)	500	1,000	2,000	3,000	4,000
13	Perbelanjaan Modifikasi Gaya Hidup (sehingga)	5,000	10,000	20,000	25,000	30,000
14	Perbelanjaan Rehabilitasi (sehingga)	1,000	2,000	3,000	4,000	5,000
15	Perkhidmatan Pengemasan (sehingga)	300	350	400	450	500

Faedah Pilihan		Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan D	Pelan E
		Jumlah Yang Diinsuranskan (RM)				
1	Gangguan Pelajaran (sehingga)	10,000	20,000	30,000	40,000	50,000
(a)	Kecederaan Pada Orang Yang Diinsuranskan					
(b)	Kematian Penaja					
(c)	* Perbelanjaan Pengangkutan (**sub-limit)					

Nota:

- Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun.
- \*Faedah ini terhad kepada dua (2) tuntutan semasa tempoh insurans.
- \*\*Perbelanjaan Pengangkutan terhad kepada sub-limit RM1,000, RM2,000, RM3,000, RM4,000 dan RM5,000 untuk Pelan A hingga Pelan E.
- Faedah Pilihan hanya terpakai untuk Orang Yang Diinsuranskan yang merupakan pelajar berdaftar sepenuh masa di institusi pendidikan dan tidak terpakai sekiranya Orang Yang Diinsuranskan telah menamatkan pengajiannya pada bila-bila masa semasa tempoh insurans.
- Butiran seorang (1) penaja yang dinamakan mestilah berumur antara lapan belas (18) tahun sehingga tujuh puluh (70) tahun semasa permohonan insurans dan/atau semasa pembaharuan polisi.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar ?

		Pelan				
		Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan D	Pelan E
		(RM)				
Allianz Lifestyle Protect	'Standalone'	85	125	165	205	245
	*Allianz Shield Plus	76	114	153	192	231

Faedah Pilihan	Pelan	Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan D	Pelan E
		(RM)				
Gangguan Pembelajaran		17	34	51	68	85

Nota:

- Premium termasuk 6% Cukai Perkhidmatan.
- \*Premium ini hanya untuk Orang Yang Diinsuranskan yang mempunyai polisi Allianz Shield Plus yang aktif semasa polisi ini dikeluarkan.

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

Jenis	Amaan
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	25% daripada premium
Duti Setem	RM10

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

(a) Kepentingan Pendedahan

• **Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon insurans ini sepenuhnya bagi **tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam borang cadangan dan/atau semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Allianz dengan penuh dan tepat dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda ketahui berkaitan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

• **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi **tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

**Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.** Anda juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada Kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak Kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

- Tunai Sebelum Perlindungan** – Premium yang kena bayar mestilah dibayar dan diterima oleh Allianz sebelum perlindungan bermula. Insurans ini secara automatik terbatal dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi.
- Kelayakan** – Orang Yang Diinsuranskan berumur antara enam belas (16) tahun hingga enam puluh lima (65) tahun.
- Anda boleh membuat pilihan untuk Pembaharuan Automatik** – Sekiranya anda membuat pilihan untuk pembaharuan automatik, tertakluk kepada terma dan syarat polisi dan bayaran premium yang perlu dibayar, Polisi Allianz Shield Plus akan diperbaharui pada setiap ulang tahun Polisi apabila tamat tempoh melainkan Polisi ini ditamatkan menurut Syarat Am 11 (Penamatan Insurans) yang terdapat dalam kontrak.

**6. Apakah pengecualian utama di bawah Polisi ini?**

Polisi tidak melindungi kematian atau kecederaan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh kejadian/kejadian berikut:

- (a) Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, dahagi atau merebut kuasa;
- (b) Tidak siaman, membunuh diri (sama ada siaman atau tidak siaman), mencederakan diri sendiri, yang disengajakan atau sebarang percubaan untuk melakukannya;
- (c) Ketoksikan melebihi had undang-undang yang mempunyai kaitan dengan kesalahan memandu dan/atau di bawah pengaruh dadah yang tidak sah;
- (d) Sebarang bentuk penyakit, jangkitan atau parasit dan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan dengan AIDS (ARC) atau Virus Kurang Daya Ketahanan Penyakit (HIV);
- (e) Kelahiran, keguguran, kehamilan atau sebarang komplikasi yang timbul daripadanya kecuali semata-mata disebabkan oleh Kemalangan;
- (f) Pembunuhan atau serangan akibat provokasi;
- (g) Ketika melakukan atau cuba melakukan sebarang tindakan menyalahi undang-undang;
- (h) Ketika menyertai sebarang sukan professional;
- (i) Seni pertahanan diri atau tinju, aktiviti-aktiviti udara termasuk payung terjun dan peluncuran gantung, aktiviti/aktiviti di dalam air yang melebihi kedalaman lima puluh (50) meter, mendaki gunung yang melibatkan penggunaan tali atau alat panduan mekanik;
- (j) Perlumbaan (selain daripada yang menggunakan kaki), "pace- making", ujian mengukur kelajuan atau ketahanan;
- (k) Pengionan, sinaran atau pencemaran oleh keradioaktifan, bahan senjata-senjata nuklear; dan
- (l) Menunggang/memandu tanpa lesen memandu yang sah (NOTA: ini tidak terpakai untuk lesen memandu individu tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu itu dibawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atau mana-mana yang undang-undang berkaitan).

**7. Bolehkah saya batalkan Polisi ini?**

Jika Anda memberi notis kepada Allianz untuk menamatkan Polisi ini atau Perlindungan Anda, penamatan tersebut akan berkuat kuasa bermula pada tarikh notis diterima oleh Allianz dari Anda atau tarikh spesifik yang dinyatakan pada notis tersebut, mana-mana yang kemudian.

Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh yang melebihi tarikh penamatan Polisi ini, kadar tempoh pendek akan dipakai, dengan syarat tidak terdapat apa-apa tuntutan yang telah dibuat dalam Tempoh Insurans yang sah pada ketika itu

Skala Kadar Tempoh Pendek:

Tempoh Diinsuranskan	Peratusan Premium Tahunan Yang Dikenakan
2 Bulan (Minima)	40%
3 Bulan	50%
4 Bulan	60%
5 Bulan	70%
6 Bulan	75%
Melebihi 6 Bulan	100%

(a) Penamatan oleh Allianz

Sekiranya Allianz menamatkan Polisi ini atau Perlindungan Anda di bawah Polisi ini, mana-mana yang mungkin, menurut Syarat 3 (Salah Nyataan Atau Peninggalan Fakta Penting) seperti yang dinyatakan dalam Polisi atau dengan perintah pihak berkuasa atau pemerintah, Allianz akan memberi notis penamatan melalui pos berdaftar kepada Anda di alamat terakhir Anda di Malaysia. Penamatan ini akan berkuat kuasa tiga puluh (30) hari selepas tarikh notis tersebut.

Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh yang melebihi tarikh penamatan Polisi ini, premium akan dikembalikan secara pro-rata kepada Anda dengan syarat tidak terdapat apa-apa tuntutan yang telah dibuat dalam dalam Tempoh Insurans yang sah pada ketika itu dan pemulangan tersebut tidak dilarang oleh undang-undang.

(b) Penamatan Secara Automatik

Polisi ini akan luput/tamat apabila berlaku salah satu perkara yang berikut:

- (i) pada waktu tengah malam (waktu piawai Malaysia) hari terakhir Tempoh Insurans yang dinyatakan dalam Jadual; atau
- (ii) apabila Anda mencapai umur enam puluh enam (66) tahun;
- (iii) Apabila pemberhentian atau penamatan Polisi; atau
- (iv) Polisi ini akan luput/tamat jika mana-mana premium untuk Polisi masih belum dibayar pada atau sebelum setiap pembaharuan automatik untuk Polisi ini.

**8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada pihak Kami tentang sebarang perubahan dalam alamat dan butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memberitahu kepada ejen berdaftar, cawangan atau khidmat pelanggan Kami.

**9. Bagaimanakah cara untuk saya membuat tuntutan?**

Anda boleh melawati [allianz.com.my](http://allianz.com.my) untuk maklumat lebih lanjut. Anda dinasihatkan untuk menghantar tuntutan anda (jika ada) kepada Kami secepat mungkin.

**10. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat dengan lebih terperinci?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk ini, sila rujuk kepada [allianz.com.my](http://allianz.com.my).

Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Kami di:

**Pusat Khidmat Pelanggan Allianz**

Allianz Arena



Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral

Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur.

Pusat Hubungan Pelanggan Allianz: 1 300 22 5542

Emel: [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)

  AllianzMalaysia

 [allianz.com.my](http://allianz.com.my)

**NOTA PENTING:**

**ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN MENGENAI SKALA FAEDAH-FAEDAH UNTUK HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTI MENAMAKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula 08/02/2023.